

**Tidak ada keluaran pada April 14, 2024. Kami akan kembali pada April 21, 2024.
Editor dan Sidang Redaksi HERALD mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua penganut Islam.**

Untuk umat di Tanah Suci: Doa tiada henti untuk anda

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah menulis kepada umat Katolik di Tanah Suci, meyakinkan mereka bahawa setiap hari, Bapa Suci memikirkan dan mendoakan mereka. “Saya memeluk anda semua, wahai umat Katolik yang dikasihi yang tinggal di seluruh Tanah Suci,” tulisnya, seraya menambah, “Saya mengingati dan memeluk mereka yang paling terjejas oleh tragedi perang yang tidak masuk akal: masa depan kanak-kanak yang telah dirompak, berdoa bagi mereka yang berduka dan dalam kesakitan serta semua yang menjadi mangsa kesusahan dan kekecewaan.”

Dalam suratnya yang dikeluarkan pada Mac 27, Bapa Suci mengiktiraf kepentingan Paskah bagi mereka yang tinggal di tempat-tempat yang disucikan oleh kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus.

Mengakui keinginan orang Kristian untuk kekal di tanah yang mereka diami selama berabad-abad, Sri Paus Fransiskus berkata adalah baik mereka tinggal terus di situ dan berterima kasih atas iman, amal dan harapan mereka.

Sri Paus mengenang kembali ziarahnya ke Tanah Suci pada tahun 2014 dan mengulangi kata-kata Santo Paulus VI, yang memberi amaran tentang “ancaman berterusan dan mengerikan” terhadap keamanan dan keselamatan serta ancaman kepada nilai-nilai kemanusiaan serta ketegangan yang berterusan di Timur Tengah.

Sri Paus Fransiskus menekankan peranan



Upacara Jalan Salib di Yerusalem.

orang Kristian di Timur Tengah sebagai penjaga “tempat suci Tuhan” serta mewartakan “kesaksian mereka, melalui penderitaan [mereka]. Dengan kemampuan anda untuk bangkit dan maju ke depan, anda telah memberitakannya dan terus mengisytiharkan bahawa Tuhan yang disalibkan telah bangkit dari antara orang mati.”

Bapa Suci kemudiannya mengongsikan doa yang didedikasikannya kepada orang-orang Kristian di Tanah Suci: *Tuhan, Engkaulah damai sejahtera kami (Efe 2:14-22). Engkau yang menyatakan “diberkatilah para pendamai” (Mat 5:9): bebaskanlah hati manusia dari kebencian, kekerasan dan semangat membalas dendam. Kami melihat akan*

teladan-Mu dan kami mengikuti-Mu, Yang pengasih, lemah lembut, dan rendah hati (lih. Mat 11:29).

“Semoga tidak ada yang merampas harapan anda untuk bangkit semula bersama-Mu. Semoga anda tidak jemu mempertahankan maruah setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak, tanpa melihat agama, etnik atau kewarganegaraan, bermula dengan yang paling lemah di kalangan kita: wanita, orang tua, kanak-kanak dan orang miskin.

“Kami amat berharap agar tidak lama lagi, kami dapat datang ke tempat anda sebagai penziarah, untuk mendekati anda, memeluk anda, untuk memecahkan roti persaudaraan bersama anda sambil menyuburkan tunas-

tunas harapan yang disemai dari benih kesabaran,” tulis Bapa Suci.

Selepas mengucapkan terima kasih kepada “uskup, imam, dan religius” atas usaha tanpa lelah mereka di kalangan orang ramai.

Mengakhiri suratnya, Sri Paus Fransiskus menyeru kepada umat Katolik di Tanah Suci agar memohon perlindungan Perawan Maria yang Terberkati, “puteri yang lahir di Tanah Suci.”

Bapa Suci juga menyeru orang Kristian di seluruh dunia “untuk menyatakan sokongan konkrit mereka kepada umat di Tanah Suci, berdoa tanpa jemu agar semua orang di Tanah Suci, akhirnya akan dapat tinggal dengan aman.” — *media Vatikan*

Dalam dunia yang terluka, marilah berlutut dalam solidariti

YANGON, Myanmar: Kardinal Charles Maung Bo, Uskup Agung Yangon, Myanmar, merayu kepada umat beriman untuk bersungguh-sungguh berdoa bersama dan berusaha ke arah keamanan “di dunia yang terluka ini.”

Dalam pesan menjelang Paskah, Presiden Persidangan Uskup Katolik Myanmar memohon kepada Tuhan Yang Maha Kuasa untuk menghilangkan kegelapan

konflik, membuka fajar baru harapan dan keharmonian. Dengan tema, “Memeluk fajar keamanan,” Kardinal itu mengecam peperangan yang melanda di bumi ini, terutamanya di Tanah Suci, Ukraine dan di tanah air kardinal itu sendiri, Myanmar.

Prelatus itu menggesa umat manusia untuk menyambut seruan Sri Paus Fransiskus untuk dialog dan perdamaian “sebagai asas seruan kolektif kita untuk keamanan. Dalam

menghadapi konflik dan masalah yang dunia alami hari ini, kita harus menghidupkan semula harapan kita dengan mempercayai Kristus yang Bangkit, yang mengalahkan kematian dan memberi kita kehidupan yang benar.”

Harapan ini, katanya, “menjana cahaya kepada kehidupan, mengatasi keputusan, menjalin perpaduan demi menentang semua benih keganasan, budaya acuh tak

acuh dan konfrontasi. Bersama biarkan dunia bertekad untuk mengubah alat perang menjadi alat keamanan dan semua ketakutan menjadi kepercayaan yang tidak berbelah bahagi.”

Kardinal Bo mengakhiri pesannya dengan doa, “Hendaklah kata-kata kita bergema ke seluruh dunia dan semoga tindakan kita berpandu dalam mengejar keamanan.” — *media Vatikan*

Tetap berbuah meskipun pasif

Kita menyatakan tentang bahagian itu dalam Injil yang menceritakan kehidupan Yesus dari Perjamuan Terakhir sehingga kematian dan pengebumian-Nya, sebagai “Sengsara-Nya”.

Pada hari Jumaat Agung, lektor memulakan Injil dengan kata-kata: “Kisah Sengsara Tuhan Kita Yesus Kristus Menurut Yohanes”.

Mengapakah kita menyebut masa sebelum kematian-Nya sebagai “sengsara”?

Secara amnya, mungkin kita tidak memahami dengan betul. Kita cenderung untuk berfikir bahawa “sengsara” di sini merujuk kepada penderitaan yang sangat berat seperti “kesengsaraan yang kronik”.

Ini tidak salah tetapi ada perkara penting yang terlepas pandang. *Passion* berasal dari bahasa Latin, *PASSIO*, bermaksud pasif, tidak beraktiviti, lebih menyerap sesuatu daripada melakukan sesuatu.

Oleh itu, “Sengsara” Yesus merujuk kepada tempoh dalam hidup-Nya yang tidak ditentukan oleh apa yang Dia lakukan sebaliknya apa yang dilakukan dan kesan terhadap-Nya. Apa yang diperkatakan di sini?

Kehidupan dan pelayanan Yesus boleh

dibahagikan kepada dua bahagian: para sarjana menganggarkan bahawa Yesus menghabiskan kira-kira tiga tahun untuk berkhotbah dan mengajar sebelum dihukum mati.

Manakala, untuk sebahagian besar waktu itu, kecuali hari terakhir, dia adalah pelaku, yang memerintah, yang aktif, mengajar, menyembuhkan, melakukan mukjizat, memberi nasihat, makan bersama orang berdosa, berdebat dengan penguasa gereja, dan secara amnya, dengan segala jenis aktiviti-Nya, Dia menjemput orang pada zaman itu untuk memasuki kehidupan Tuhan. Dan dia sibuk, sangat tertekan sehingga kadang-kadang Dia tidak mempunyai masa untuk makan. Hampir sepanjang kehidupan awamnya, Yesus secara aktif melakukan sesuatu.

Namun, sejak Dia keluar dari bilik perjamuan malam terakhir, aktiviti itu terhenti.

Dia bukan lagi orang yang melakukan sesuatu untuk orang lain, tetapi orang yang melakukan sesuatu kepadanya.

Di taman, mereka menangkap Dia, mengikat tangan-Nya, membawa-Nya kepada imam besar, kemudian kepada Pilatus.

Dia dipukul, dihina, pakaian-Nya dilucutkan dan akhirnya dipaku pada salib di mana Dia mati. Ini merupakan “kesengsaraan atau *Passio*” Yesus, pada masa dalam kehidupan dan pelayanan-Nya, apabila Dia berhenti menjadi pelaku dan orang melakukan sesuatu terhadap-Nya.

Apa yang luar biasa tentang ini adalah iman mengajar kita bahawa kita diselamatkan melalui sengsara-Nya (kematian dan penderitaan-Nya) berbanding semua aktiviti khutbah dan semasa melakukan mukjizat. Bagaimana?

Izinkan saya menggunakan ilustrasi ini: beberapa tahun yang lalu, kakak saya Helen, seorang biarawati Ursuline, meninggal dunia akibat kanser.

Dia merupakan seorang biarawati selama lebih daripada tiga puluh tahun, dia sangat mencintai pelayanannya dan disayangi oleh orang-orang yang dilayaninya.

Untuk sebahagian besar daripada tiga puluh tahun itu, dia berkhidmat sebagai ibu kepada ratusan wanita muda yang menghadiri akademi yang dikendalikan oleh kongregasinya.

Dia mengasahi wanita-wanita muda itu dan bagi mereka, kakak saya adalah seorang ibu, seorang kakak dan seorang mentor.

Juga, selama dua puluh tahun terakhir dalam hidupnya, selepas ibu kami sendiri meninggal, dia juga berkhidmat dalam kapasiti yang sama untuk keluarga kami, mengatur kami dan mengekalkan hubungan mesra kami bersama.

Selama bertahun-tahun dia adalah orang yang aktif, pelaku yang sempurna, orang yang diharapkan dalam apa sahaja tanggungjawab. Dan dia menikmati peranan itu dan sesungguhnya dilahirkan untuk memberikan khidmatnya untuk orang lain. Dia memang suka melakukan sesuatu untuk orang lain.

Sembilan bulan sebelum dia meninggal dunia, kanser menyerangnya dengan kejam dan dia menghabiskan bulan-bulan

terakhir hidupnya dengan hanya terbaring di atas katil.

Sekarang dia tidak dapat menghulurkan khidmatnya tetapi orang lain yang melakukan sesuatu untuknya. Doktor, jururawat, para religius dalam kongregasinya dan lain-lain, bergilir-gilir menjaganya.

Dan, seperti Yesus dari masa Dia ditangkap, ditahan hingga saat kematian-Nya, tubuhnya juga telah dihina, dipimpin oleh orang lain, dibogelkan, didorong, dan ditatap oleh orang yang ingin tahu. Sesungguhnya, seperti Yesus, dia mati kehausan, dengan span yang dipegang pada bibirnya oleh orang lain.

Itulah *passionnya*, dia telah menghabiskan bertahun-tahun melakukan sesuatu untuk orang lain, kini terpaksa akur seseorang melakun untuknya.

Namun, titik penting di sini ialah, seperti Yesus, ketika dia tidak berdaya dan tidak lagi berkuasa, untuk memberi kehidupan yang lebih bermakna berbanding apa yang dilakukannya ketika dia aktif dan sihat.

Itulah misteri keberhasilan dari keadaan yang pasif, ketidakberdayaan.

Ada satu pengajaran penting di sini, tidak terkecuali bagi orang yang sakit tenat, orang cacat yang teruk dan orang sakit. Juga kita perlu memahami bahawa semasa kita sakit, tidak berdaya dan memerlukan penjagaan, kita perlu memberi kebenaran kepada orang lain untuk menjaga dan melayani kita.

Kesengsaraan Yesus mengajar kita bahawa, seperti Yesus, kita memberi sebanyak mungkin kepada orang lain meskipun dalam keadaan pasif.

Apabila kita tidak lagi berkuasa, dipukul, dihina, menderita bahkan tidak dapat membuat diri kita difahami oleh orang yang kita sayangi, kita sedang mengalami kepasifan dan, seperti Yesus dalam penderitaannya, mempunyai peluang untuk menyerahkan cinta kita dengan cara yang sangat mendalam. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*



Biarpun dalam keadaan pasif, kita tetap dapat memberikan sesuatu. Inilah misteri hasil dari ketidakberdayaan. — Fr Ron Rolheiser

Jangan engkau tidak percaya lagi ...

Kisah Injil sesudah hari minggu Paskah adalah penampakan diri Yesus yang bangkit kepada para murid.

Kepada Maria Magdalena, juga kepada para murid secara bersama-sama, mahupun kepada dua murid yang kembali ke Emaus.

Penampakan-penampakan itu disertai dengan kata-kata penegasan dan pesan-pesan harapan.

Reaksi para murid atas kehadiran Yesus yang bangkit itu bermacam-macam. Ada yang takut, ada yang ragu-ragu, bahkan bercampur gembira dan sukacita, juga ada yang percaya, tetapi ada pula yang tidak mudah percaya.

Pengalaman sukacita penuh kegembiraan kerana Yesus bangkit itu telah menampakan diri kepada para murid ketika mereka berkumpul bersama, ternyata tidak dialami oleh Rasul Tomas.

Tomas tidak melihat, tidak mengalami kerana dia tidak ada dalam kebersamaan/persekutuan para rasul ketika Yesus menampakan diri-Nya.

Berita gembira yang disampaikan kepadanya, tidak sedikitpun membangkitkan sukacita bagi Tomas.

Malah dia ragu dan sama sekali tidak percaya. Dengan tegas dia mengatakan, “sebelum aku mencucukkan jariku ke

dalam lambung-Nya, aku tidak percaya”.

Tomas sebenarnya jujur. Dia terus terang mengaku tidak percaya. Dia tidak malu menyatakan ketidakpercayaannya, kritis terhadap apa yang dia percaya lalu menuntut bukti.

Namun, ketika dia berkumpul kembali dengan para murid yang lain dan Yesus yang bangkit itu menampakan diri-Nya kembali, Yesus menyapa secara khusus kepada Tomas yang kurang percaya itu.

“.. jangan engkau tidak percaya lagi melainkan percayalah” “Berbahagialah mereka yang tidak melihat namun percaya!”

Percaya bererti tidak harus melihat dengan mata jasmani. Percaya adalah melihat dengan mata hati. Penuh penyerahan diri kepada Dia yang kita imani dalam Roh dan Kebenaran.

Sebab percaya atau iman terungkap ketika mata hati dan budi terbuka menerima Tuhan yang agung dan mulia itu.

Iman melampaui akal budi, tidak memerlukan bukti dan jaminan untuk percaya. Iman itu ertinya pasrah dan aktif menangkap kehendak Tuhan dalam setiap peristiwa hidup.

Dan Tomas dengan penuh kerendahan hati, dia mengakui imannya, “Ya Tuhanku dan Tuhanku”.

Dia bukan lagi menjadi Tomas yang kurang percaya atau ragu-ragu dan bimbang, tetapi menjadi seorang Rasul yang selanjutnya memberikan kesaksian imannya akan Yesus yang bangkit. Dia telah diperbaharui oleh Yesus yang bangkit.

Sikap Tomas sering menjadi sikap kita, yang tidak mudah percaya, ragu akan iman yang dihayati, sering menuntut bukti dan tertutup hati untuk menerima sapaan Tuhan dalam pelbagai pengalaman dan peristiwa hidup kita.

Menjadi umat Paskah, kita perlu belajar dari sikap iman Tomas yang dengan penuh kerendahan hati pada akhirnya mengakui imannya akan Yesus yang bangkit. Kita harus menjadi umat Paskah yang juga mewartakan kebangkitan Tuhan yang kita imani dalam dan melalui sikap dan cara hidup kita.

Sebagaimana sapaan Yesus kepada para murid-Nya, “Damai sejahtera bagimu”, maka kita juga seharusnya selalu mengusahakan damai sejahtera itu dalam relasi kita dengan Tuhan dan dengan sesama, juga dengan alam ciptaan Tuhan.

Membawa dan mewartakan damai sejahtera bererti membawa pengampunan, kegembiraan dan sukacita Paskah, membawa pertobatan dan membawa kembali harapan dan kekuatan bagi yang menderita

HARI MINGGU PASKAH II (KERAHIMAN ILAHI) TAHUN B

KISAH PARA RASUL 4, 32-35;
1 YOHANES 5,1-6.
INJIL YOHANES 20, 19-31.

dan putus asa, bagi yang tidak percaya. Bahkan dalam situasi yang getir, misalnya semasa pandemik, semasa ekonomi meleset, peperangan ... berusaha membawa damai sejahtera dengan cara seperti yang diharapkan kerana melalui peristiwa-peristiwa pahit ini, Tuhan mendidik, melindungi dan mematangkan kita.

Semoga kita selalu mampu membaca sapaan Tuhan melalui peristiwa-peristiwa itu; sehingga peristiwa-peristiwa yang kita alami ini menjadi *kairos*, menjadi peluang dan rahmat bagi kita untuk semakin percaya, semakin beriman kepada-Nya.

Pesan Yesus bagi kita, “... jangan engkau tidak percaya lagi, melainkan percayalah. Berbahagialah mereka yang tidak melihat namun percaya”.

Marilah seperti Tomas, dengan rendah hati kita berdoa, “Ya Tuhanku dan Tuhanku”. — *Fr Fransiskus Emanuel Da Santo, Komkat KWI*

Lawatan Uskup Indonesia ke Keuskupan Keningau

KENINGAU: “Dua belas tahun yang lalu, ketika saya masih seorang paderi, saya pernah melawat tempat ini dan pada masa itu saya hanya mengadakan Misa kudus di samping beramah mesra dengan komuniti di sini,” kata Uskup Seno Ngutra dari Keuskupan Amboina, Indonesia.

“Namun kali ini, saya ingin mengadakan sesuatu yang lebih lagi. Saya ingin mendoakan anda semua, sebab itu kami mengadakan katekesis, adorasi dan doa-doa penyembuhan kepada anda semua,” ujar Uskup Seno semasa menyampaikan homili dalam Misa Kudus di Gereja St John, Biah.

Uskup Seno mengunjungi Keuskupan Keningau pada Mac 11-19 lalu. Prelatus itu turut ditemani oleh Vikaris Jeneral Keuskupan Amboina, Fr Anton Kewolle dan beberapa umat.

Umat tempatan dan migran memenuhi ruangan Gereja St John, Biah sejak jam 3.00 petang lagi.

Sebelum Misa, acara dimulakan dengan sesi katekesis yang disampaikan oleh Fr Anton Kewolle tentang “kekuatan Ekaristi dalam penyembuhan”.

Paderi itu mengambil kisah mukjizat Marthe Robin dari Perancis, seorang wanita



Uskup Seno Ngutra dari Keuskupan Amboina, Indonesia bersama komuniti migran di Keningau.

lumpuh sejak usia 21 tahun yang hanya terbaring dan tidak mampu mengkonsumsi apa pun jenis makanan. Namun secara misteri, dia dapat menyantap Ekaristi dan Marthe mampu bertahan hidup sehingga usianya 79 tahun.

Selepas katekesis, Uskup Seno memimpin Misa Kudus, dibantu oleh Msgr Gilbert Lasius, Fr Rudolf Joannes dan Fr Anton Kewolle.

Uskup Seno menegaskan bahawa umat

seharusnya bangga menjadi Katolik, kerana Sakramen-sakramen yang dihadirkan oleh Gereja melayani umat sejak dari kecil sehinggalah menemui ajal.

“Sejak bayi, kita dilayani dengan Sakramen Pembaptisan, enam lagi Sakramen lainnya yang terus melayani kita sehinggalah kita kembali kepada Bapa. Jadi apa yang kurang dalam Gereja Katolik?” soal Uskup Seno yang

dilantik oleh Sri Paus Fransiskus pada Disember 8, 2021 sebagai Uskup Amboina.

Prelatus itu juga mengutarakan cadangan untuk menghantar paderi dari Keuskupan Ambonia untuk membantu pelayanan pastoral di Keuskupan Keningau.

“Saya akan mengutarakan hal ini kepada uskup-uskup di timur Indonesia, kerana umat migran di Keuskupan Keningau ini memang ramai,” kata Uskup Seno.

Adorasi diadakan selepas Misa Kudus kemudiannya, Uskup Seno dibantu dengan para paderi yang hadir, mendoakan setiap umat yang hadir pada petang itu.

Selain mengunjungi Gereja St John Biah yang di bawah naungan paroki Katedral St Francis Xavier, Uskup Seno bersama rombongan turut membuat lawatan pastoral ke paroki Roh Kudus, Sook, paroki St Theresa, Tambunan dan paroki St Anthony, Tenom.

Prelatus itu turut terlibat dalam menjayakan Retret Penyembuhan Pelayan Pastoral Keuskupan Keningau dan menjadi tetamu khas dalam program Bual Bicara di radio Online Keuskupan Keningau, KekitaanFM. — **Juanis bin Marcus**

Nunsio Apostolik hadir Majlis Berbuka Puasa

KUALA LUMPUR: Majlis Hukama’ Muslimin Malaysia (*Muslim Council of Elders*) mengadakan Majlis Berbuka Puasa Antara Agama tahunan pada Mac 20, di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Majlis tersebut dihoskan oleh Dato’ Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, bekas Mufti Wilayah Persekutuan dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Tetamu kehormat yang hadir ialah YB Senator Dr Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama); Uskup Agung Wojciech Zaluski, Nunsio Apostolik ke Malaysia; Uskup Agung

Kuala Lumpur, Julian Leow Beng Kim serta pemimpin agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh.

Dalam ucapannya, Senator Dr Zulkifli Hasan, memetik Hans Küng, Edward Said dan beberapa tokoh Islam mengenai kepentingan dialog antara agama dalam mewujudkan keamanan.

Uskup Agung Wojciech Zaluski merakamkan penghargannya kepada Majlis Hukama’ Muslimin Malaysia atas inisiatif menganjurkan majlis berbuka puasa yang sangat bermakna ini. Tambahnya, ini jelas menggambarkan keharmonian dan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang agama.



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Di mana Sto Yosef meninggal dunia?

Sto Yosef dikenali sebagai santo penaung “ke-smatian yang bahagia” tetapi adakah kita tahu di mana dia meninggal?

Kitab Suci tidak memberi kita banyak maklumat tentang Sto Yosef selain daripada beberapa ayat yang menjelaskan apa yang beliau lakukan semasa Yesus masih kanak-kanak.

Selepas zaman kanak-kanak Yesus, tidak pasti apa yang berlaku kepada Sto Yosef atau tarikh tepat beliau meninggal dunia.

Kebanyakan sarjana percaya bahawa Sto Yosef meninggal dunia sebelum pelayanan awam Yesus memandangkan dia tidak hadir dalam semua peristiwa yang berlaku selama tiga tahun terakhir kehidupan Yesus di bumi.

Dengan pemikiran ini, kebanyakan sarjana menunjukkan Nazareth sebagai lokasi kematian Sto Yosef. Walaupun lokasi yang tepat tidak diketahui, terdapat sebuah Gereja di Nazareth yang didedikasikan untuk Sto Yosef.

Fransiskan di Tanah Suci ada membuat penerangan tentang tradisi tempatan Nazareth di laman web mereka: Pada abad ke-17, Fr Francesco Quaresmi menerangkan sebuah tempat “di mana penduduk tempatan memanggilnya sebagai Rumah dan Bengkel Yosef bekerja, di mana pada suatu ketika, didirikan sebuah Gereja yang indah yang didedikasikan untuk Sto Yosef.

Tambahan pula, “Kisah Yosef Tukang Kayu” yang apokrif menceritakan kematian dan pengubuman bapa angkat Yesus, menggambarkan

bagaimana Yesus sendiri membantu dan menghiburkannya pada saat dia meninggal dunia.”

Semua ini meletakkan kematian Sto Yosef berlaku di di Nazareth, dan mungkin dalam pelukan Perawan Maria yang Diberkati dan anak lelaki mereka, Yesus.

Tubuhnya tidak terletak di mana-mana makam tertentu, walaupun terdapat beberapa tradisi yang mengatakan bahawa dia “dianggap” ke Syurga, seperti Perawan Maria yang diangkat ke syurga. Sama ada ia benar-benar berlaku atau tidak, memang sukar untuk ditentukan, tetapi ramai orang kudus mendakwa ia benar.

Mengingati banyak tradisi berpendapat bahawa Yosef mati dalam pelukan atau kehadiran Yesus dan Maria. Ia adalah imej yang indah, yang membawa Gereja untukewartakan Yosef sebagai santo pelindung “kematian yang bahagia.”

Pada tahun 2020, semasa meraikan peringatan 150 tahun deklarasi Santo Yosef sebagai Pelindung Gereja Universal serta Hari Raya Santa Perawan Maria Dikandung Tanpa Noda, Sri Paus Fransiskus pernah mencanangkan Tahun Santo Yosef pada Disember 8 2020 – Disember 8, 2021. Menurut Sangti Papa Fransiskus, Santo Yosef “mendorong kita untuk menemukan kembali nilai keheningan, kehati-hatian dan kesetiaan dalam menjalankan tugas.”

Dalam surat berjudul “*Patris corde*” atau “Dengan Hati Seorang Ayah,” Sri Paus Fransiskus merefleksikan kualiti kebapaan Sto Yosef,

menggambarkannya sebagai pencinta, lembut dan penuh kasih, taat, menerima dan “berani secara kreatif.”

Yosef juga seorang bapa yang patuh kepada Tuhan, dengan “*fiat*”-nya, dia melindungi Maria dan Yesus dan mengajar Anaknya untuk “melakukan kehendak Bapa.”

Santo Sri Paus Yohanes Paulus II juga pernah mengajar bahawa Santo Yosef memiliki “relevansi baharu untuk Gereja di zaman kita, dalam kaitannya dengan milenium Kristian yang baharu.”

Berikut merupakan doa kepada Sto Yosef karangan Sri Paus Fransiskus:

*Salam, Penjaga Sang Penebus,
Suami Perawan Maria yang diberkati.
Kepadamu Tuhan mempercayakan
Putera tunggal-Nya;
di dalam dirimu Maria
meletakkan kepercayaannya;
dengan anda
Kristus menjadi manusia.
Yosef yang terberkati,
kepada kami juga,
bimbinglah kami dalam kebapaanmu
dan bimbinglah kami ke jalan kehidupan.
Semoga kami memperoleh rahmat,
belas kasihan dan keberanian,
dan lindungilah kami dari
setiap kejahatan. Amen.
— Aleteia*

Sahabat kecil Yesus

Apakah yang dikatakan oleh Yesus apabila Dia muncul di tengah-tengah para murid-Nya?

Kerana engkau telah melihat Aku, maka engkau percaya. Berbahagialah mereka yang tidak melihat, namun percaya (Yoh 20: 28)

Mari Mewarna

A =  E =  M = 

D  MAI
S  JAHT  R 
B  GI
KA  U
(YOHANES 20:20)



Hello adik-adik, apa khabar?
Kisah Injil sesudah hari minggu Paskah adalah penampakan diri Yesus yang bangkit kepada para murid. Ada pelbagai kisah atau reaksi pengikut Yesus apabila mereka melihat Yesus yang sudah Bangkit. Ada yang ragu, ada yang melihat lalu percaya malah ada yang tidak mengenali-Nya!
Adik-adik, sikap rasul Tomas mewakili sikap kita sendiri, yang tidak mudah percaya, ragu dan mahukan bukti. Lebih-lebih lagi pada zaman moden sekarang, mustahil untuk mempercayai seseorang yang mati boleh hidup semula! Adik-adik, kita adalah umat Paskah. Kita percaya akan Alkitab, percaya akan ajaran-ajaran Gereja Katolik dan percaya akan kesengsaraan, wafat dan kebangkitan Kristus!
Apabila kita berasa ragu, mohonlah kepada Roh Kudus untuk menguatkan iman kita! Pesan Yesus bagi kita, "...jangan engkau tidak percaya lagi, melainkan percayalah"
Salam sayang
Antie Melly

D =  Y =  K =  L = 


 A TUHAN 
★ AN
A  A  H  U
(Yoh 20:29)



Apakah yang dikatakan oleh Tomas setelah melihat Yesus. Selesaikan kod rahsia di atas.



Semasa Yesus menampakkan diri pada para pengikut-Nya, Tomas tidak bersama dengan mereka. Bantu Tomas mencari jalan agar dapat bertemu dengan Yesus.



Cari 13 perbezaan pada gambar ini.



BELIA MILENIUM

Perkongsian para baptisan baharu 2024

INGIN MENTAATI TUHAN

Mengapa saya mahu dibaptis dalam Gereja Katolik?

Atas dorongan ibu bapa bahawa dengan dibaptis dalam Gereja Katolik, saya akan memperoleh rahmat pengudusan dan hidup di bawah bimbingan Roh Kudus.

Dan yang membuat saya sangat tertarik dengan Gereja Katolik ialah kehadiran Yesus dalam Ekaristi.



Saya menjadi Katolik kerana ingin mentaati Tuhan sepenuhnya, yang telah mewahyukan melalui Kristus, segala ajaran-Nya dan undangan-Nya untuk bersatu dengan-Nya dan dengan sesama umat manusia, di dalam Kristus dan melalui Gereja yang didirikan-

Nya, iaitu Gereja Katolik. — **Andrie Yoel Francis, Gereja Roh Kudus, Sook**

KESELAMATAN ADA DALAM GEREJA KATOLIK

Semasa masih dalam kelas Inisiasi Kristian Dewasa saya diuji dengan dua peristiwa ini:

1. Sebelum ini, saya mempunyai konflik dengan bapa saya. Semasa menyertai retret, tiba-tiba saya terdorong untuk berdoa dan memaafkan bapa saya. Saya pasti, ini adalah dorongan Roh Kudus selepas beberapa bulan saya mengenal Yesus dalam IKD!

2. Pada bulan lalu, saya ada temuduga SPA9 sebagai pembantu laut dan juga sibuk dalam peperiksaan ulangan semester 1. Oleh itu, saya lebih fokus dengan peperiksaan.

Sehari sebelum temuduga, saya mengambil masa untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan pembantu laut. Dan sepanjang jalan menuju ke tempat temuduga, saya tidak putus-putus berdoa agar segalanya berjalan lancar. Ternyata Tuhan mendengar doa saya dan segala urusan pada hari itu, sangat baik!



Mengapa saya mahu dibaptis seorang Katolik? Kerana saya percaya akan kebenaran yang diberikan oleh Tuhan Sendiri. Kristus menyebut Diri-Nya sebagai "jalan dan kebenaran dan hidup" (Yoh 14:6). Yesus menganugerahkan kepada kita Roh Kudus, yang disebut-Nya Roh Kebenaran (Yoh 14:17), yang akan mengajarkan segala sesuatu kepada kita dan yang akan mengingatkan kita akan semua yang telah Dia ajarkan (Yoh 14:26).

— **Matelda Anastasia Abid, Sook**

KEHADIRAN TUHAN DALAM SAKRAMEN

Sarah (tidak mahu nama sebenarnya disiarkan) dibaptis pada malam Paskah, April 7 di Keuskupan Agung Kota Kinabalu mengongsikan beliau memilih menjadi anggota Katolik kerana

Sakramen-sakramen Gereja yang tidak ada di denominasi lain. Bermula dengan menyaksikan Sakramen Perkahwinan

beberapa rakannya, membuatkan Sarah ingin mengenali apa itu Sakramen dan ajaran-ajaran Gereja Katolik.

Mantan penganut Gereja Sidang Injil Borneo itu mengatakan, "Saya percaya tujuh Sakramen Gereja Katolik itu mendatangkan keselamatan dan perlindungan daripada Roh Kudus!"

Salib SYD-6 tiba di Keuskupan Sandakan



SANDAKAN: Lebih 300 orang belia dari Keuskupan Kota Kinabalu mengiringi Salib Belia dan Ikon Bonda Maria untuk dibawa ke Keuskupan Sandakan.

Ziarah Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ini menandakan Sabah Youth Day (SYD), acara terbesar yang melibatkan kaum muda Katolik di Sabah, bermula lagi. Pada tahun ini, Sabah Youth Day diadakan untuk kali keenam dan bakal berlangsung di Katedral St Francis Xavier, di Keuskupan Keningau pada September 16-20, 2024.

Sejak SYD-6 dilancarkan oleh Uskup Agung John Wong pada November 3, 2023 di Gereja St Joseph, Papar, Salib Belia dan Ikon Bonda Maria mula berziarah dari paroki Papar dan dihantar ke Keuskupan Kota Kinabalu pada Februari 24, 2024.

Selama beberapa minggu di Katedral Hati Kudus, tibalah masanya pada Mac 16 lalu, ia dibawa ke Katedral St Mary.

Kepelbagaian budaya sambut Salib Belia

Di Katedral St Mary, sementara menunggu Salib Belia dan Ikon Bonda Maria, seramai 200 orang belia menyanyikan lagu puji-pujian dan sesi Ice Breaking yang diketuai oleh

Para belia Keuskupan Agung Kota Kinabalu mengangkat Salib Belia dan Ikon Bonda Maria untuk diserahkan kepada Keuskupan Sandakan.

Parish Youth Apostolate (PYA) Sandakan.

Ketibaan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria disambut serta diiringi dengan tarian tradisi umat Keuskupan Sandakan yang berbilang kaum, iaitu tarian Hedung dari Gereja St Mark Sandakan, tarian tradisi Dusun Labuk dari Gereja St Martin, Telupid dan paluan *Chinese Tradisional Drums* dari Katedral St Mary Sandakan.

Keuskupan Agung Kota Kinabalu yang diwakili oleh Fr Isidore Gilbert, Penasihat Rohani Belia Keuskupan Agung Kota Kinabalu, secara rasmi menyerahkan Salib Belia dan Ikon Bonda Maria kepada Keuskupan Sandakan yang diwakili oleh Sr Noemi Mejia, FSIC, Koordinator Belia Keuskupan Sandakan dengan disaksikan oleh Uskup Julius Gitom, Fr Dafrinn Diwol, Penasihat Rohani Belia Keuskupan Sandakan, para religius dan para belia.

Ini diikuti dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Julius.

Salib lambang kehidupan

Dalam homilinya, Uskup Julius mengatakan bahawa kedatangan Salib Belia dan Ikon Bonda

Maria sangat bersesuaian dengan pembacaan hari itu yang membicarakan tentang kematian dan kehidupan.

"Salib adalah lambang kehidupan bagi kita yang percaya kepada-Nya. Maka kita diingatkan untuk dekat dengan Tuhan sumber kehidupan.

"Sekiranya kamu merasa kehidupan kamu terikat sama seperti Lazarus yang terikat dengan kain kafan maka ingatlah bahawa hanya Yesus yang dapat membebaskan kita seperti yang dinyatakan oleh Injil pada hari ini 'Bukalah pengikatnya dan biarlah dia pergi dengan bebas'."

Uskup Julius berdoa agar semua belia sentiasa terbuka kepada rahmat pembebasan Tuhan agar pada musim Paskah ini, iman mereka diperbaharui, diteguhkan serta berani menjadi pengikut Yesus.

Salib Belia dan Ikon Bonda Maria akan mengelilingi gereja-gereja di bawah naungan Katedral St Mary sehingga Jun 15, 2024.

Pada Jun 15, para perwakilan belia akan menghantar Salib Belia dan Ikon Bonda Maria ke Katedral St Francis Xavier, di Keuskupan Keningau. — **Kimberly, St Mary Sandakan**



Migran Haiti melintasi hutan Celah Darien, Colombia menuju Panama, dalam usaha mereka memasuki Amerika Syarikat. Gambar: Media Vatikan.

Lihatlah wajah Kristus dalam diri para migran

ROMA: Gereja Katolik dapat mendekatkan diri kepada Yesus dengan mendampingi para migran bagi membantu mereka mengejar kehidupan yang lebih baik, kata Sri Paus Fransiskus.

Di hadapan para migran, Gereja “menemukan wajah Kristus,” tulisnya, dan seperti Sta Veronica yang menawarkan kain untuk menyeka wajah Yesus semasa memikul salib ke Bukit Golgota, Gereja “membawa kelegaan dan harapan pada ‘Jalan Salib’ para migran.”

Bapa Suci Fransiskus menulis pesannya dalam surat bertarikh Mac 21, kepada para peserta pertemuan antara para uskup, pemimpin-pemimpin Gereja dan migran di Lajas Blancas, Panama, sebuah lokasi

berdekatan hutan Darién Gap yang dilintasi oleh ribuan migran setiap hari.

Konferensi selama tiga hari yang dikendalikan oleh Dikasteri untuk Mempromosikan Pembangunan Manusia Integral Vatikan bagi para uskup dari Colombia, Costa Rica dan Panama untuk membicarakan pelayanan pastoral untuk para migran.

Saudara dan saudari migran kita “mewakili penderitaan daging Kristus” kerana mereka “terpaksa meninggalkan tanah air mereka, menghadapi risiko dan kesengsaraan di tengah-tengah perjalanan yang sukar malah ramai di antara mereka tidak menemui jalan keluar lain,” tulis Sri Paus Fransiskus

dalam pesannya.

Para uskup dan anggota Gereja yang menyokong migran “adalah wajah sebuah Gereja induk yang berjalan bersama putera dan puterinya,” tulisnya.

Paus Fransiskus mendesak para migran agar “jangan pernah melupakan martabat kemanusiaan mereka” dan mendorong mereka untuk “tidak takut menatap mata orang lain, kerana kalian tidak dibuang, sebaliknya kalian adalah daripada keluarga manusia dan keluarga anak-anak Tuhan.” Bapa Suci juga menyeru para Uskup Amerika bahawa mereka harus peduli dan prihatin serta membantu mengatasi krisis migrasi paksa di seluruh Amerika. — *media Vatikan*

Paskah hidupkan semula harapan penyatuan Korea

SEOUL: Perayaan Paskah yang merayakan kebangkitan Yesus Kristus menawarkan harapan bagi penyatuan Semenanjung Korea yang berpecah serta konfrontasi yang terus-menerus, kata Uskup Agung Seoul, Msgr Peter Chung Soon-taick dalam pesan Paskahnya.

Meskipun terjadi perpecahan dan konfrontasi yang terus-menerus namun ada “sedikit optimisme” perpecahan di Semenanjung Korea mungkin berubah menjadi “kebangkitan hidup dan berkongsi

kemakmuran,” kata Chung dalam pesan Paskahnya.

Pesan bertarikh Mac 25 itu menyerukan “dialog sejati” yang berpotensi mengatasi konflik dan perpecahan, menumbuhkan empati dan pemahaman terhadap orang lain. Prelatus itu menyeru para pemimpin politik agar “memikul tugas besar demi membawa negara mereka menuju pembangunan dan kesejahteraan kolektif rakyat serta mengutamakan kesejahteraan rakyat dibandingkan agenda

partisan.”

Sebagai warga masyarakat demokratik, masyarakat Korea diminta menggunakan kebijaksanaan dalam proses pilihanraya akan datang, dengan memilih pemimpin yang “benar-benar berdedikasi untuk melayani kepentingan rakyat.”

Umat Kristian, yang percaya pada kebangkitan Yesus Kristus, harus berpegang teguh pada harapan, tidak mudah goyah dalam menghadapi cabaran hidup yang paling berat, katanya.

“Kebangkitan Yesus memberikan kita harapan bahawa “kematian” bukanlah titik akhir, melainkan sebuah permulaan baharu yang dipenuhi dengan kekuatan ilahi.”

“Kepercayaan kepada kebangkitan Yesus bukanlah seperti dadah yang membuatkan kita lari dari masalah seperti yang digambarkan oleh Karl Marx, sebaliknya pengakuan mendalam bahawa kehidupan kita di alam duniawi ini saling berkaitan dengan yang kekal,” kata Uskup Agung Chung. — *ucanews.com*



Uskup Agung Peter Chung Soon-taick merayakan Misa Kudus di Katedral Myeongdong Seoul, Korea Selatan. (Gambar: Keuskupan Agung Seoul)

Sri Paus Fransiskus gubah renungan Jalan Salib Jumaat Agung

ROMA: Buat pertama kalinya dalam sebelas tahun kepausannya, Sri Paus Fransiskus telah menulis meditasi rohaninya sendiri untuk *Via Crucis* (Jalan Salib) pada Mac 29 lalu.

Renungan Bapa Suci adalah berdasarkan tema “Dalam Doa Bersama Yesus di Jalan Salib.”

Prelatus itu menulis tentang rawatan unik di setiap perhentian Jalan Salib.

Media Vatikan menyatakan bahawa keputusan Sri Paus untuk menulis meditasinya sendiri tahun ini bersesuaian dengan dimensi rohani Tahun Doa, sebuah tempoh untuk renungan seperti yang diseru oleh Sri Paus sebagai persiapan Tahun Jubli 2025.

Pada tahun 1985, Sri Paus Yohanes Paulus II telah memulakan tradisi mewakili penulisan refleksi Jalan Salib Jumaat Agung kepada individu dan kumpulan yang berbeza.

Tetapi dia menulis renungannya sendiri untuk “Jubli Agung” atau



Tahun Suci 2000. Sri Paus Benediktus XVI meneruskan tradisi itu sepanjang kepausannya.

Tahun-tahun lepas, Sri Paus Fransiskus telah mengamalkan penulisan meditasi kepada kumpulan dan individu berbeza dengan pelbagai tema seperti perang dan keamanan, migrasi serta pengalaman yang dipenjarakan.

Jalan Salib Jumaat Agung biasanya diadakan di Colosseum yang kaya dengan sejarah dan mempunyai makna yang istimewa bagi orang Kristian Roma. — *media Vatikan*

Penduduk Yerusalem terima kehidupan umpama Jalan Salib

YERUSALEM: Ketika umat Kristian berkumpul di Yerusalem untuk memperingati masuknya Yesus ke kota tersebut, ia adalah salah satu dari beberapa momen yang menggembirakan di Tanah Suci.

Namun selepas serangan Hamas terhadap Israel pada 7 Oktober, begitu banyak perkara yang buruk terjadi.

“Meskipun di tengah-tengah peperangan, kami tetap memilih merayakan kemasukan Yesus dengan penuh kemenangan ke Kota Suci,” kata Kardinal Pierbattista Pizzaballa, patriark Latin Yerusalem, semasa memimpin perarakan Minggu Palma di jalan-jalan kota itu.

“Kami menggabungkan suara dengan mereka yang beryanyi di Yerusalem dua ribu tahun lalu: ‘Hosana Putera Daud,’ Hosana Putera Daud,” katanya pada Mac 24.

Berjalan melalui jalan-jalan yang sangat sepi di Yerusalem, untuk mengenang Minggu Suci dan Paskah, patriark itu menekankan bahawa hari Minggu Palma tidak dapat dirayakan bersama keuskupan lain maka “semakin penting untuk berteriak dengan kekuatan dan keyakinan bahawa kami mempunyai kekuatan iaitu Yesus Kristus.”

“Kami tidak sendirian, kami tidak ditinggalkan dan yang terpenting, kami tidak takut!” tegas

pemimpin Gereja itu.

“Mengikuti Yesus bererti menerima jalan salib, sesuatu yang sudah diketahui oleh umat Kristian di Tanah Suci kerana sehari-hari mereka umpama ‘Jalan Salib’, sebuah jalan yang menyakitkan, ditandai dengan banyak rintangan, penolakan, dan segala jenis permusuhan.”

“Namun, hal ini tidak mematahkan semangat kami,” kata patriark itu.

Meskipun di tengah-tengah peperangan, lebih 500 umat Kristian yang berlindung di paroki Keluarga Kudus di Kota Gaza merayakan Minggu Palma “dengan cara yang paling khusus.” — *media Vatikan*



Pierbattista Pizzaballa, Patriark Latin Yerusalem, berjalan menyusuri jalan berdekatan sebuah masjid di kompleks Masjid Al-Aqsa, semasa perarakan Hari Minggu Palma di Bukit Zaitun, Yerusalem. Gambar: Media Vatikan

HARI MINGGU PALMA BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Bapa Suci doakan mangsa keganasan Moscow

VATIKAN: Hanya Yesus yang dapat membebaskan umat manusia dari kebencian dan kekerasan, kata Sri Paus Fransiskus pada Hari Minggu Palma.

“Yesus memasuki Yerusalem sebagai raja yang rendah hati dan damai,” katanya dalam kata-kata aluan singkat selepas merayakan Misa Minggu Palma di Dataran Santo Petrus.

Sri Paus berdoa agar umat beriman membuka hati mereka kepada Tuhan kerana hanya Dialah yang “dapat melepaskan kita dari permusuhan, kebencian, kekerasan kerana Dialah rahmat dan pengampunan dosa.”

Pada hari yang cerah dan angin beralun lembut, sekitar 60,000 orang menghadiri Misa pada Mac 24, yang dimulai dengan perarakan ratusan orang membawa daun-daun palma hijau diikuti 60 kardinal dan uskup, membawa “*palmurelli*”, daun palma hijau muda yang dianyam.

Mengenakan jubah merah, simbol Sengsara, Sri Paus Fransiskus memimpin Misa tanpa homili.

Kardinal Claudio Gugerotti, prefek Dikasteri Gereja-gereja Timur, menjadi selebran utama di altar tersebut.

Vatikan tidak memberikan penjelasan mengapa tidak ada homili. Sri Paus hanya membacakan kata-kata pembukaan singkat setelah doa Angelus, menyapa para kardinal yang hadir dari kerusi rodanya dan dengan kenderaan kepausan, Bapa Suci menyapa dan melambai umat beriman sekitar 15 menit.



Dalam kata-kata aluannya, prelatus itu mengungkapkan kesedihannya atas serangan yang membawa maut di Moscow pada Mac 22 yang meragut lebih 130 nyawa.

Bapa Suci berdoa bagi para mangsa “serangan teroris pengecut” ini dan menyeru pertobatan “hati mereka yang merencanakan, mengatur dan melaksanakan tindakan tidak manusiawi yang melanggar salah satu sepuluh Perintah Tuhan, ‘Jangan membunuh.’”

Penyerang juga menyalakan alat letupan yang menyebabkan bangunan terbakar dan runtuh bertukar menjadi bara. Sebuah sekutu yang dipanggil Negara Islam mengaku bertanggungjawab atas serangan itu, dakwaan yang disahkan oleh pegawai perisikan AS.

Pihak berkuasa Rusia telah menahan 11 orang berhubung serangan penganasan itu, termasuk empat lelaki bersenjata.

Sri Paus Fransiskus juga menyampaikan doa-doanya kepada semua orang yang menderita akibat perang, khususnya mereka yang berada di Ukraine, “di mana begitu banyak orang yang tidak mempunyai elektrik kerana serangan hebat terhadap infrastruktur, selain menyebabkan kematian dan penderitaan, juga membawa risiko kehancuran, bencana kemanusiaan yang lebih besar lagi.”

Bapa Suci juga meminta masyarakat untuk tidak melupakan masyarakat di Gaza yang “sangat menderita” dan tempat-tempat lain yang mengalami perang. — *media Vatikan*

Merdeka dari dosa ketidakmurnian

Dewasa ini ada banyak cara ditawarkan untuk menguruskan badan misalnya pelbagai jenis diet, minum ubat pengurus badan sehinggalah pembedahan sedut lemak.

Namun, dari semua cara untuk menguruskan badan, tidak ada cara yang lebih efektif selain dua hal ini: mengatur cara pemakanan dan olahraga yang teratur. Walaupun semua orang tahu dua cara yang paling efektif ini, ramai yang cenderung tidak mahu melaksanakannya.

Umumnya orang berkeinginan untuk kurus tetapi tidak mahu mengubah cara hidup, tetap mahu makan seandainya, tidak mahu olahraga tetapi mahu badan tetap ideal.

Nampaknya, hal serupa terjadi dalam kerohanian. Ramai orang yang terjatuh dosa ketidakmurnian selama bertahun-tahun, sehingga ia berakar di dalam hati serta telah menjadi kebiasaan.

Dosa ketidakmurnian dalam konteks

pelanggaran seksual adalah dosa yang mungkin merupakan dosa yang paling sering dilakukan oleh manusia. Beberapa pelanggaran terhadap kemurnian adalah: nafsu/ ketidakmurnian, masturbasi/onani, percabulan, pornografi, pelacuran, perkosaan, homoseksualitas. (lih. KKG 2351-2357)

Kalau jenis dosa ini tidak ditangani secara serius dan segera, maka seseorang mungkin akan terjebak pada dosa yang sama ini, dan melakukannya terus secara berulang-ulang.

Apakah ada cara untuk melepaskan diri dari belenggu dosa ini? Tentu saja ada, kerana Yesus sendiri menjanjikan “kebenaran itu akan memerdekakan kamu” (lih. Yoh 8:32)

Hadapi kebenaran

Langkah pertama, hadapi kebenaran bahawa kita terbelenggu dengan dosa ketidakmurnian. Kesedaran ini menjadi langkah awal untuk memperoleh kembali kehidupan yang

penuh rahmat.

Sertai retreat/rekoleksi

Mengikuti retreat mahupun rekoleksi dapat membantu dan jika boleh, lakukannya sekerap mungkin atau sekali, dua kali dalam setahun.

Terima Sakramen Ekaristi dan Tobat secara teratur

Kekuatan dari rahmat Tuhan mengalir dari sakramen-sakramen-Nya. Maka penting untuk kita memahami makna sakramen, menghayatinya dan mempersiapkan batin untuk menyambutnya, agar kita dapat memperoleh buah-buahannya secara efektif.

Firman Tuhan pelita hidup

Sabda Tuhan mengajarkan, “Segala tulisan yang diilhamkan Tuhan memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran.” (2 Tim 3:16).

Doa

Doa memberikan kekuatan kepada kita. Jika godaan datang atau di tengah aktiviti sehari-hari, panjatkan doa singkat ini sesering mungkin, seperti: “Yesus, aku mengasihimu” atau “Yesus, kasihanilah aku”.

Bersama Yesus, kita dibebaskan

Bersama dengan Yesus, seseorang dapat lepas dari belenggu dosa dan memperoleh kemerdekaan untuk meninggalkan kegelapan. Kuncinya adalah, terus bekerja dengan rahmat Tuhan yang mengalir dalam retreat dan rekoleksi, doa, Firman dan sakramen-sakramen – terutama Sakramen Tobat dan Sakramen Ekaristi. — *katolisitas*

PENULIS BERKICAU

Hidup selibat adalah anugerah Tuhan

Biasanya saya teruja untuk menghadiri Misa Krisma kerana akan melihat para paderi dari seluruh Keuskupan memperbaharui janji imamat mereka serta teruja menyaksikan minyak-minyak suci diberkati oleh Bapa Uskup.

Namun, baru-baru ini, ada sesuatu yang membuatkan tersentuh. Para paderi yang ada masih kurang. Dalam setahun, hanya seorang atau dua orang malah ada keuskupan yang langsung tidak ada pentahbisan untuk beberapa tahun.

Setiap kali musim Pra-Paskah dan Adven, apabila ada Sakramen Pengakuan di paroki, berdiri hampir sejam menunggu giliran untuk masuk ke bilik pengakuan sudah menjadi perkara biasa.

Malah, adakalanya di kalangan rakan dan keluarga bergurau untuk menggunakan pelbagai “teknik” agar giliran mengaku dipercepatkan misalnya “meminjam” bayi orang lain atau datang dengan kaki berbalut.

Pemandangan ribuan umat yang datang mengaku pada musim Pra-Paskah dan Adven, adalah biasa di keuskupan saya. Meskipun ramai paderi tetapi jika dimulakan pada waktu petang, ia boleh berlarutan hingga lewat malam.

Begitu juga semasa pengakuan musim Pra-Paskah dan Adven, meskipun ada ramai paderi yang datang membantu dalam pengakuan tetapi seorang paderi perlu bersabar untuk mendengar pengakuan dari ratusan umat.

Ini sebenarnya menunjukkan tanda-tanda krisis panggilan. Sebagai umat awam, saya memahami ramai ibu bapa yang mahu anak-anak mereka berjaya, memiliki karier yang baik, berkahwin dan meneruskan keturunan.

Diakui, jarang ibu bapa yang berangan-angan agar anak mereka menjadi paderi. Di dalam keluarga saya sendiri, di kalangan rakan-rakan saya sendiri, saya akui, jarang malah hampir tidak ada galakan untuk menyuruh anak-anak menghadiri seminar panggilan.

Jadi dalam ruangan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengongsikan pandangan sederhana saya mengenai hidup selibat di kalangan paderi Katolik.

Memang, ramai di antara kita yang memandang hidup selibat paderi Katolik itu tidak normal.

Menurut pandangan Gereja Katolik, seorang paderi yang memilih hidup selibat menunjukkan penyerahan diri secara total untuk melayani Tuhan dan sesama seumur hidupnya.

Semua paderi yang ditahbis merupakan para lelaki beriman yang memiliki komitmen peribadi hidup dan tidak berkahwin seumur hidupnya demi Kerajaan Syurga. Bukan sahaja tidak berkahwin tetapi mereka juga harus menjaga fikiran dan tingkah laku agar tetap kudus. Mungkin juga selibat tidak menarik bagi dunia sekarang ini kerana ia merupakan pengorbanan; dan pengorbanan bagi Tuhan bukanlah sesuatu yang disukai orang pada masa ini.

Sto Ambrosius pernah berkata: “Kemurnian bukannya layak dipuji kerana dilakukan oleh para martir, tetapi kerana kemurnian itu sendiri menjadikan kita martir.”

Kita perlu akui, kebanyakan para paderi sekarang sudah semakin tua. Dan ramai juga di antara mereka yang meninggal dunia secara mengejut atau meninggal secara semulajadi.

Tuhan Yesus adalah seorang paderi dan selibat. “Kerana kita sekarang mempunyai Imam Besar Agung, yang telah melintasi semua langit, iaitu Yesus, Anak Tuhan” (Ibr. 4:14).

Semoga kita lebih berani untuk berdoa panggilan, bukan untuk anak orang lain tetapi untuk anak-anak kita sendiri!



Menyertai rekoleksi, retreat, menerima Sakramen ... antara cara membebaskan diri dari dosa ketidakmurnian.


Kardinal hadiahkan “buku panduan paderi”

GEORGETOWN: Pada akhir Misa Krisma di Keuskupan Pulau Pinang, Kardinal Sebastian Francis menyampaikan ‘Buku Panduan Paderi’ yang baharu dicetak kepada Fr Victor Louis, cancellor keuskupan.

Buku panduan ini mengandungi norma, dasar dan prosedur penting untuk paderi yang mencerminkan usaha kolaboratif antara paderi dan awam melalui proses sinodal bermula tahun 2021.

Kardinal Sebastian mengucapkan terima kasih kepada para pengarang Direktori Pastoral 1989 untuk Klerus Keuskupan Katolik Semenanjung Malaysia atas sumbangan mereka dalam mengemas kini buku panduan tersebut. Buku itu menekankan kesinambungan dan evolusi penjagaan pastoral dalam keuskupan.

Semasa menyampaikan homilinya dalam Misa Krisma pada Mac 18 di Gereja



Immaculate Conception, Kardinal Sebastian menyeru para paderi dan umat untuk menghayati janji-janji Kitab Suci yang tetap relevan serta bermanfaat pada masa

kini. Prelatus itu memetik Lukas 4:16-21, di mana Yesusewartakan misi-Nya untuk membawa berita baik kepada orang miskin, kebebasan kepada tawanan, dan

penglihatan kepada orang buta.

Kardinal Sebastian menekankan peranan paderi dalam meneruskan misi ini, khususnya dengan mendedekasikan Tahun 2024 kepada tahun ‘Doa’ dan Tahun 2025 sebagai tahun ‘Harapan’.

Prelatus itu juga menyebut beberapa orang kudus yang memberi inspirasi hebat kepada para paderi seperti Sto Yohanes Vianney, Sto Pio dan Sto Maximilian Kolbe.

Sto Maximilian misalnya menunjukkan identiti dirinya dengan kata-kata terkenal sebelum martir, “Saya seorang paderi Katolik! Ia adalah kenyataan sederhana Sto Maximilian tetapi ia perkataan kuat dalam mengidentikasikan diri kita sebagai paderi Katolik!” kata Kardinal Sebastian kepada para klerus. Misa diteruskan dengan pembaharuan janji imam pada paderi, diikuti pemberkatan minyak-minyak suci.

Klerus diseru berusaha hayati panggilan dengan kasih



Fr Bradley Belly menyerahkan bejana berisi minyak Krisma kepada Uskup Agung John Wong.

KOTA KINABALU: Dalam Misa Krisma, umat dapat menyaksikan para klerus memperbaharui janji imam mereka dan upacara pemberkatan minyak-minyak suci yang digunakan dalam Sakramen Pembaptisan, Pengurapan Orang Sakit dan Krisma.

Ini dijelaskan oleh Uskup Agung John Wong semasa memimpin Misa Krisma pada Mac 21 di Katedral Sacred Heart.

Bapa Uskup Agung menjelaskan Misa Krisma sangat bermakna kerana selain merayakan para paderi dan memberkati minyak-minyak suci, ia juga panggilan bagi semua umat untuk

hidup serta mengingatkan mereka tri-tugas perutusan Kristus sebagai: imam, nabi dan raja, bukan sahaja di Keuskupan Agung Kota Kinabalu tetapi di mana sahaja mereka berada.

Oleh itu, Bapa Uskup Agung menekankan bahawa merayakan Misa Krisma adalah sukacita di atas pemberian sakramen-sakramen yang luar biasa.

Kepada para paderi, Uskup Agung John mengatakan dengan pembaharuan janji imam, beliau mendoakan agar para paderi terus berusaha menjadi pelayan rohani yang semakin matang.

Selain itu, prelatus itu juga berharap

para imam bahagia dalam imamat, tulus, dan gembira di dalam pelayanan.

“Saya, mengucapkan terima kasih kepada para paderi yang selalu komited dalam melayani umat di Keuskupan Agung ini,” ucap Uskup Agung John.

Selepas homili, para paderi memperbaharui janji imam mereka diikuti dengan pemberkatan minyak-minyak suci.

Minyak-minyak suci itu dibawa ke altar oleh Fr Terans Thadeus (minyak untuk Orang Sakit), Fr Lasius Gantis (minyak Katekuman) dan Fr Bradley Belly (Minyak Krisma). — *Christy G. Adolf*

Jadilah Pemimpi Besar!



SIBU: Uskup Joseph Hii menyeru umat Katolik untuk menjadi Pemimpi Besar (*Great Dreamer*). Pemimpi besar adalah orang yang selalu berusaha untuk mencapai perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan.

Misa Krisma dirayakan di Keuskupan Sibu pada Mac 20 di Katedral Sacred Heart. Lebih dua ribu umat menghadiri Misa yang selalunya memantapkan kesatuan para paderi dengan uskup mereka dan pemberkatan minyak-minyak yang digunakan untuk mengurapi orang sakit, katekumen dan semasa pentahbisan paderi.

Uskup Joseph menggalakkan para paderi untukewartakan kepada umat betapa agungnya kesetiaan, cinta dan harapan Tuhan kepada umat-Nya.

Prelatus itu berharap para paderi agar terus tabah dan disegarkan melalui Misa Krisma itu untuk menjadi “para lelaki tertahbis yang

beriman kuat, harapan dan cinta kerana Tuhan yang Agung berada di dalam diri mereka, bukan berada di luar.

Gembala itu berterima kasih kepada Tuhan di atas kurniaan imamat dan para paderi, kerana tanpa para paderi, tidak ada pelayanan sakramen untuk para umat.

Uskup Joseph juga berterima kasih kepada umat kerana hadir dalam perayaan Ekaristi tersebut serta menyeru mereka agar terus mendoakan para paderi, religius dan Uskup agar mereka terus dapat melayani dalam semangat kesatuan dan kesetiaan.

“Seperti Santo Pelindung Para Pemimpi, Sto Yosef, kita dipanggil untuk menjadi Pemimpi Besar dalamewartakan Khabar Gembira kepada seluruh komuniti, memberitakan bawa sukacita dan pembebasan kepada dunia,” kata Uskup Joseph Hii.

Imamat, hadiah Kristus kepada Gereja

KENINGAU: “Walaupun kami sudah ditahbis sebagai paderi tetapi kami ini tetap darah dan daging. Kami masih sentiasa perlu doa dan sokongan,” kata Uskup Cornelius semasa menyampaikan homili dalam Misa Krisma di Dataran Keuskupan Keningau pada Mac 26, 2024.

Uskup Cornelius memulakan khutbahnya dengan menyatakan kepada kongregasi bahawa semasa Misa Krisma, kita mengingati Tuhan, pencipta Ekaristi dan agar Ekaristi ini berterusan, Tuhan juga telah mencipta imamat. Kita bersyukur dan berterima kasih kepada paderi kerana melalui pelayanan mereka, kita dapat merayakan Yesus yang hadir dan hidup melalui Ekaristi.

Katanya lagi, “Saya pasti kehadiran saudara saudari bukanlah hanya membawa minyak untuk diberkati untuk kegunaan kita tetapi saya percaya, dalam kesempatan kita mahu bersy-

ukur kerana Dia telah memanggil dan memilih orang-orang yang rela dipakai oleh Tuhan sebagai paderi.”

Bapa Uskup Cornelius juga menyatakan kepada hadirin bahawa doa yang diperlukan oleh paderi ialah doa agar mereka terus bersatu dengan Yesus.

“Ini adalah kerana tanpa kesatuan dengan Yesus, pelayanan dan kehidupan kita pasti mati.”

Prelatus itu juga berpesan, baik paderi mahupun umat awam, untuk selalu merenung soalan Yesus, “Apakah yang kamu cari?” Jawaban kita akan menentukan siapa yang kita mahu layani — Yesus atau diri sendiri?

Pada akhir homilinya, Uskup Cornelius berdoa agar dengan semangat bersatu dengan Yesus, “kita semua dapat membangun Gereja Sinodal iaitu umat, paderi dan Uskup, berjalan bersama dalam iman menuju ke kerajaan Tuhan.”

